



## 1. KAEDAH SKIM WAQAF TUNAI MELALUI POTONGAN GAJI

Kaedah skim waqaf tunai melalui potongan gaji ini HANYA diurus oleh Tabung Waqaf Rakyat Johor. Borang J1 – Kebenaran Potongan Gaji Skim Waqaf Tunai boleh didapati di semua agen rasmi dan Pegawai Tabung Waqaf Rakyat Johor (TWRJ), Pejabat Perbadanan Islam Johor, Pejabat Tabung Waqaf Rakyat Johor dan laman web rasmi Perbadanan Islam Johor.

### 1.1 TINDAKAN PEWAQAF

- I. Pewaqaf hendaklah mengisi Borang J1 yang disediakan oleh agen rasmi TWRJ atau Pegawai TWRJ dengan lengkap.
- II. Serahkan borang yang lengkap diisi kepada majikan dan dapatkan persetujuan majikan bagi menggunakan kemudahan ini.
- III. Bagi Pewaqaf yang hendak membuat pembayaran tambahan, pengurangan jumlah potongan atau bertukar majikan, Pewaqaf dikehendaki mengisi borang baru.

### 1.2 TINDAKAN MAJIKAN

- I. Majikan dikehendaki menghantar borang yang telah disahkan ke Tabung Waqaf Rakyat Johor bersama senarai Pewaqaf dan cek pembayar atas nama **TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR** selewat-lewatnya setiap 7hb bulan berikutnya.
- II. Bagi potongan bulan berikutnya, majikan hanya perlu menghantar senarai nama pembayar berserta nombor kad pengenalan lama dan baru, jumlah potongan waqaf dan cek pembayaran.
- III. Majikan hendaklah menghantar segera potongan Waqaf bagi bulan Disember pada setiap tahun untuk direkodkan sebagai pembayaran tahun semasa. Kelewatan menghantar potongan waqaf dalam bulan tersebut menyebabkan potongan tidak dapat dikreditkan pada tahun semasa.

### 1.3 TINDAKAN TWRJ

- I. Tabung Waqaf Rakyat Johor akan mengesahkan penerimaan dan mengembalikan semula dua salinan untuk simpanan majikan dan Pewaqaf.
- II. Jumlah potongan waqaf akan dikreditkan ke dalam lejar (akaun) pembayar.

## 2. SLIP BAYARAN

Slip pembayaran waqaf pada setiap bulan hanya akan dikeluarkan kepada majikan sahaja sementara rekod pembayaran individu akan dikreditkan ke dalam lejar (akaun) pembayar.

## 3. PENYATA PEMBAYARAN TAHUNAN

- 3.1 Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah memberikan kebenaran menggunakan Penyata Pembayaran Tahunan yang mana ianya akan digunakan bagi menggantikan resit rasmi bagi rebet cukai setiap individu. Penyata rasmi tersebut akan dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).
- 3.2 Penyata Pembayaran Tahunan bagi setiap individu dikeluarkan pada awal tahun berikutnya.
- 3.3 Penyata Pembayaran Tahunan hendaklah diserahkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bersama dengan Borang Taksiran Cukai tahun semasa.
- 3.4 Sekiranya berlaku pertukaran alamat surat menyurat, Pewaqaf dikehendaki memaklumkan kepada TWRJ supaya Penyata Pembayaran Tahunan dapat dihantar ke alamat terbaru.

## 4. FAEDAH MENGGUNAKAN KEMUDAHAN KAEDAH SKIM WAQAF TUNAI MELALUI POTONGAN GAJI:

- 4.1 Menjimatkan masa tanpa perlu hadir ke kaunter pembayaran waqaf.
- 4.2 Mendapatkan rebet bagi tolakan cukai pendapatan individu.
- 4.3 Memudahkan proses Pewaqaf untuk berwaqaf.

**NO AKAUN TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR –AMBANK ISLAMIC 8881 0136 93400**